

**Zurich Takaful Malaysia Berhad dan Universiti Utara Malaysia
Jalin Kolaborasi Strategik untuk Membentuk Bakat Masa Hadapan
dan Mengukuhkan Hubungan Industri-Akademia**

- Kerjasama strategik bagi memacu pembangunan bakat, penyelidikan, dan impak komuniti
- Komitmen bersama dalam melahirkan graduan berdaya saing melalui inisiatif berfokus dan sejajar dengan kehendak industri

Kuala Lumpur, 25 Ogos 2025 – Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB), cabang perniagaan Takaful Keluarga Zurich Malaysia, telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Utara Malaysia (UUM), menandakan permulaan kolaborasi strategik untuk mengukuhkan hubungan akademik-industri dalam aspek pembangunan bakat, penyelidikan dan pemerkasaan komuniti.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama dalam membentuk graduan yang berdaya tahan serta bersedia menghadapi masa hadapan, di samping memperluaskan penyelidikan yang menyumbang kepada pembangunan negara. Dengan menghubungkan akademik dengan pendedahan industri sebenar, kedua-dua pihak berhasrat untuk menyediakan asas yang kukuh bagi generasi pemimpin dan pencetus perubahan masa hadapan negara.

MoU ini telah dimeterai dalam satu majlis menandatangani perjanjian yang dihidangkan oleh Nur Fatimah Mustafa, Ketua Pegawai Eksekutif ZTMB, dan Profesor Dato' Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Naib Canselor UUM. Menurut Nur Fatimah Mustafa, "Di ZTMB, kami komited untuk membimbing generasi berbakat masa hadapan serta menyediakan peluang sebenar untuk pembelajaran dan pembangunan diri. Melalui kerjasama dengan UUM ini, kami berhasrat untuk membina masa hadapan yang lebih cerah bersama untuk para pelajar, komuniti dan industri secara keseluruhan."

Profesor Dato' Dr. Mohd Fo'ad Sakdan menekankan perkara ini dengan menyatakan, "Kerjasama dengan ZTMB ini merupakan satu langkah penting yang membuka lebih banyak peluang untuk pelajar dan fakulti kami belajar, berinovasi dan menyumbang melalui program serta penyelidikan yang relevan dengan industri. Ia mencerminkan visi kami terhadap pendidikan holistik, di mana ilmu diperkaya melalui kerjasama bermakna yang mendorong kemajuan dan memberi impak berkekalan kepada akademik dan masyarakat."

Di bawah MoU selama tiga tahun ini, kedua-dua pihak akan bekerjasama menerusi empat tonggak strategik, termasuk projek penyelidikan bersama dan pembangunan komuniti, dengan tumpuan kepada topik seperti pengurusan reputasi menggunakan ZTMB sebagai kajian kes selain inisiatif lapangan yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat. Kerjasama ini turut menampilkan Program Fellow Industri di mana pakar bidang ZTMB akan berkongsi kepakaran bersama pelajar UUM melalui sesi perkongsian ilmu, sekali gus merapatkan jurang antara pembelajaran di bilik kuliah dengan aplikasi dunia sebenar.

Pembangunan bakat turut diberi keutamaan, dengan ZTMB menyokong program Pusat Pembangunan Kerjaya dan Kebolehpasaran Graduan (CDGEC) UUM seperti School of Hard Knocks (SoHK), di samping menyediakan peluang latihan industri untuk pelajar UUM. Selain itu, program pertukaran pembangunan kakitangan turut diperkenalkan bagi memupuk

perkongsian ilmu serta pembinaan kemahiran bersama antara ZTMB dan UUM merentasi bidang akademik dan industri.

Sebagai sebahagian daripada majlis tersebut, Zurich General Takaful Malaysia Berhad (ZGTMB) turut menyerahkan sumbangan wakalah zakat sebanyak RM30,000 bagi membantu pelajar UUM daripada golongan asnaf fakir. Lebih daripada sekadar sumbangan, inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama untuk mengukuhkan keterangkuman kewangan, memperkasakan pendidikan serta meningkatkan kesejahteraan komuniti yang memerlukan melalui pelbagai program berfokus.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif, produk dan perkhidmatan ZTMB dan ZGTMB, sila layari zurich.com.my.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Takaful Malaysia Berhad

Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB) adalah salah sebuah pengendali takaful keluarga terkemuka di Malaysia. Ia merupakan ahli Zurich Insurance Group dan satu-satunya penyedia tunggal produk takaful keluarga yang patuh syariah dalam kumpulan Zurich. Dengan kepakaran pasaran takaful lebih sedekad, ZTMB menyediakan penyelesaian perlindungan, perubatan dan kesihatan, simpanan wang dan pelaburan untuk memenuhi keperluan para pelanggan di pelbagai peringkat kehidupan. Bersama-sama kakitangan yang berdedikasi, tenaga kerja agensi, pengedar dan rakan niaga serta dengan sokongan rangkaian cawangan di seluruh negara, ZTMB komited untuk membantu para pelanggan memahami dan melindungi diri mereka daripada risiko. Untuk maklumat lanjut mengenai ZTMB, layari www.zurich.com.my

Tentang Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Zurich General Takaful Malaysia Berhad (ZGTMB) adalah salah sebuah pengendali takaful am terkemuka di Malaysia. Ia merupakan ahli Zurich Insurance Group dan satu-satunya penyedia tunggal produk takaful am yang patuh syariah dalam kumpulan Zurich. Dengan kepakaran pasaran takaful lebih sedekad, ZGTMB menawarkan perlindungan takaful am yang meluas merangkumi motor, perjalanan, harta benda, kewangan dan peribadi, syarikat kecil hingga sederhana selain perlindungan risiko untuk industri besar. Bersama-sama kakitangan yang berdedikasi, tenaga kerja agensi, pengedar dan rakan niaga serta sokongan rangkaian cawangan di seluruh negara, ZGTMB komited untuk membantu para pelanggan memahami dan melindungi aset berharga dan perniagaan mereka daripada risiko. Untuk maklumat lanjut mengenai ZGTMB, layari www.zurich.com.my

Tentang Universiti Utara Malaysia (UUM)

UUM yang ditubuhkan pada tahun 1984 di Sintok, Kedah, merupakan universiti awam Malaysia yang didedikasikan untuk membentuk generasi masa depan melalui pendidikan dalam bidang pengurusan. Dengan tagline **The Eminent Management University**, UUM membawa misi untuk memajukan ilmu dalam bidang perniagaan, tadbir urus, dan sains sosial. Pada masa kini, UUM berada di kedudukan 491 dalam QS World University Rankings 2026, dalam band 401–500 bagi THE World University Rankings 2025, serta dalam tier 101–200 di peringkat global

dalam THE Impact Rankings 2025, dengan pencapaian cemerlang dalam kategori Quality Education (ke-56) dan Reduced Inequalities (ke-41). Kejayaan ini mencerminkan bukan sahaja kecemerlangan akademik UUM, tetapi juga komitmennya dalam memacu kemajuan sosial. Dengan menawarkan pelbagai program pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan pascasiswazah, UUM bekerjasama dengan industri dan kerajaan untuk melahirkan pemimpin yang bersedia membawa perubahan bermakna.

Untuk maklumat lanjut mengenai UUM, sila layari: www.uum.edu.my.